



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK HARI INI OLEH DOSM

PADA 12:00 TENGAH HARI


STATS ALERT: #49
10 Mac 2023

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

2023 FEBRUARI

Indeks Harga Seunit Bahan Binaan Terpilih, Malaysia, Februari 2023

Indeks harga seunit besi
mencatatkan peningkatan
1.5 peratus pada
Februari 2023



Purata Harga Bahan Binaan Terpilih, Malaysia, Februari 2023




Nota

- Harga purata bahan binaan yang dinyatakan merujuk kepada harga bahan binaan yang terdapat di outlet yang terpilih.
- YoY (Perubahan tahun ke tahun)
MoM (Perubahan bulan ke bulan)


Sumber: Siaran Khas 1 (Untuk Kerja-karya Kejuruteraan Awam) | Siaran Khas 2 (Untuk Kerja-karya Pembinaan Bangunan dan Struktur)
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Siri Masa Purata Harga Bahan Binaan Terpilih, Malaysia Februari 2022 - Februari 2023

Besi Keluli



Simen



Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan 1.5 peratus pada Februari 2023

Indeks Harga Seunit Bahan Binaan

- Perbandingan bulan ke bulan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan peningkatan indeks harga seunit bagi beberapa bahan seperti simen, besi dan kayu untuk semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan 1.5 peratus berbanding Januari 2023. Peningkatan indeks harga besi adalah seiring dengan peningkatan harga bijih besi dan besi utama di peringkat global. Harga bijih besi dijangka kekal tinggi didorong oleh keyakinan terhadap permintaan besi pada masa hadapan di China.
- Selain daripada besi, simen merupakan elemen penting dalam industri pembinaan yang dihasilkan menggunakan campuran batu kapur dan tanah liat. Bahan ini turut mencatatkan kenaikan harga. Indeks harga seunit simen turut meningkat 1.9 peratus pada Februari 2023 berbanding Januari 2023. Antara penyumbang utama kenaikan harga bagi pasaran simen adalah peningkatan kos pengeluaran seperti peningkatan harga bahan mentah iaitu batu kapur; arang batu dalam proses pembakaran, tenaga dan kos penghantaran.
- Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit bahan binaan pula mencatatkan peningkatan antara 1.5 hingga 9.6 peratus pada Februari 2023 berbanding bulan yang sama pada tahun yang lalu.
- Indeks harga bagi seunit simen meningkat 9.6 peratus bagi Februari 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Namun begitu, indeks harga bagi seunit bagi besi pula telah mencatatkan sedikit penurunan iaitu 0.5 peratus.

Purata Harga Seunit Bahan Binaan

- Purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan Mycon 60 high tensile deformed bars adalah RM3,653.26 bagi setiap tan metrik mencatatkan peningkatan 1.5 peratus berbanding bulan sebelumnya (Januari 2023: RM3,599.37 per tan metrik).
- Purata harga simen (Ordinary Portland) turut mencatatkan peningkatan 1.5 peratus iaitu RM21.99/ 50 kg berbanding RM21.66/ 50 kg (Januari 2023).